

Fakulti

Pengurusan dan Perniagaan

FBM

Newspaper highlight 2021 May



Platform penasihat robo didik budaya menabung



Pensyarah Jabatan Ekonomi dan Pengajian Kewangan, Universiti Teknologi MARA (UîTM) Kampus Puncak Alam

Oleh Mohd Faizal Kamarudin bhrencana@bh.com.my

Ketika ini, Malaysia berhadapan dengan kemungkinan berlakunya gelombang keempat pandemik COVID 19. Situasi ini memerlukan orang ramai untuk terus cekal menjalani kehidupan.

Kelihatan deretan keputusan sukar perlu dilakukan banyak pihak. Ini termasuk keputusan kerajaan membenarkan pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mengeluarkan simpanan persaraan mereka.

Adalah sangat jelas simpanan ini lebih bermanfaat untuk digunakan pada waktu persaraan nanti. Namun, kita perlu lebih cakna dengan realiti semasa. Ramai ber-

at hati mengambil keputusan ini.

Justeru, orang ramai perlu menjayakan Pelan Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Diharapkan program ini akan dapat mempercepatkan proses pemulihan ekonomi, sekali gus meningkatkan kemampanan kewangan ramai pihak.

Pada masa sama, kaedah pengurusan kewangan terbukti 'tak lapuk dek hujan tak lekang dek panas' iaitu menabung, perlu menjadi agenda utama orang ramai pasca COVID-19.

Malah, lebih baik jika ia dapat dimulakan secepat mungkin. Namun, agenda menabung perlu dilaksanakan dengan pendekatan terkini.

Untuk itu, orang ramai boleh menggunakan khidmat penasihat robo. Secara asasnya penasihat robo adalah platform digital yang membolehkan pelaburan dilakukan secara automatik mengikut algoritma ditentukan.

Pada waktu ini, terdapat lima platform digital penasihat robo di Malaysia iaitu StashAway, My-Theo, Wahed Invest, Raiz dan Best Invest.

Semua ini adalah platform dilesenkan Suruhanjaya Sekuriti. Justeru, orang ramai tidak perlu sangsi kesahihannya.

Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa juga sudah mengenal pasti akses yang kurang atau sukar kepada perkhidmatan kewangan, menyebabkan golongan berpendapatan rendah dan luar bandar terus tertinggal.

Justeru, platform digital penasihat robo amat bersesuaian meningkatkan akses perkhidmatan kewangan kepada orang ramai termasuk di luar bandar.

Hal ini mempunyai potensi untuk dicapai berdasarkan laporan Bank Negara Malaysia yang menunjukkan penggunaan telefon pintar tinggi dan capaian internet baik di Malaysia. Melalui platform penasihat robo juga, orang ramai boleh mula menabung dengan jumlah sangat minimum. Malah, ada platform tidak meletakkan sebarang nilai minimum untuk deposit dan baki.

Orang ramai juga diberi kebebasan sepenuhnya menentukan nilai dan kekerapan tabungan mereka. Unsur fleksibel platform penasihat robo ini adalah manifestasi kepada keadaan masyarakat hari ini.

Namun, untuk memastikan kelestarian agenda menabung ini, perlunya disiplin dengan menentukan satu nilai untuk ditabung secara berkala. Sebagai contoh RM5 setiap minggu.

Ia selari kajian Tam dan Dholakia (2014) yang mendapati mereka mengamalkan tabungan secara terancang akan memiliki nilai tabungan lebih tinggi.

Seperti dinyatakan Pengarah Eksekutif World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL), Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim melalui tulisannya disiarkan *Muka Sepuluh BH* pada 11 April lalu, masyarakat yang ada nilai tabungan mapan pastinya akan memberi kesan positif kepada ekonomi negara.

Pandemik COVID-19 ini melelahkan. Namun, rakyat Malaysia adalah masyarakat dinamik dan melalui pelbagai getir dalam kehidupan.

Justeru, agenda menabung melalui penasihat robo ini adalah iltizam kita untuk menjadi lebih baik pasca pandemik COVID 19.

Dron perkasa fungsi industri takaful menilai bencana



Hartanii, Falsolti. kangos Silanger

Oleh Dr Ansirol Allf Midsamer Morro: ana@bb.com.my

Dress arout alsount to dress on the size ketersiorman keruna keuparsian barung elektronik sorisk motoranip massak kekiewstori Manich Loope disedori, serta berapaya memberi kesan kempanahan

Names, sepecti Jugo tement pong pada swojinza dipolopori industri persongalause, ktist drive digestakan (Peopelation for Include datum pelhagai follong reports pertantas, pertendengas, pertahanas Properties. Jacob operad mescart des mempete day Pervisignam much, endom retirement their bein bein.

Toronata young pertu dibunggustan: apublic ernetkur pempedia perkhidpratun ierkemaka dron dania juga berseul dari Malarsta, India. Asredone Group young

bergungkisten di Cebertana, kenterorisan Luporsa Produktut Perkitshnaras Dron Antarobungsa 2019 dikelanckan DRON Industry Imagis (DRONII).

Penagunusi dror sang mesingkat nadi diperbelieve that an extra extra drose true sensitive. Contribution. modult dikendali, boleh bersperasi sotsk jangka mana panjang (bergaotiang jentis-drom), mampumerokan itos dengan jelies. Dekemel kags penggomany kine poor sufair filmonaki mammia reporticomprain Gan Sudan Intel, Kawasan bencama seperti hassir, ketiakaran histori dan sebagairan. Chri-chri ilmor Jaga merepetublian barenik

courtflot invocans there's menggamaken toknologirangeth int bug menthams mereka mengenal poers kendana fizikal ensustra met stau kiewanieli. schebus, menestrakan risiku dan jumbah prenttan perfu dilunur holial pemenana sollui.

Namon, sojek juling memiesak talah merestokas kreissäkin dialaest perogang polisi serta kerugian untak tionaran pampisian diberikan powerstand measureds for.

Int congut poering horses, mongue earns adaepinethor at an institutable think diagnal movebbase viennativ prestatugavan saturg kerktibagian yang tersisian teruk dipekultikas bencana yang berbaka-

Sirbagus cremits, countbut resources di Amerika Spurikat (AS) seperti Albitate, Erte, Parmers don Tracelers menggunakan drop logi menhanta pamertikan keresukan disebabikan besesasa taufan yang melanda seperti taufan Matthew Harves. LESSON GLASS CALLS A SPICE.

Degine Juga enuritiest Jasoprassa d.i. Jepan seports impo Japan Nippostosa itan Propte's Incurrence Company of China, sung mula melabur dan mewapudkan unit dron nervia.

Sibuses codifict berteau logs industry insurance East takeful & Malorets, Departus swell kulture diliankas penysiidik Fakulii Pengurusai dan Permission Conserved Televising SIARA (UITM) terrustina Publishir Kenarutoranin dan bisitiyate of Pathology, Caborstory and Format: Medicine dihowah gereat penyebidikan rentas abaipin (TACR) Kementerian Pengulan Tinggi (KPT), memperte harken pengganasan dron sleih svarik at pengenstell tokishil di Mistersia manile retedah.

In both second you pertuit his southwe Barraina unemra comunicato, Mallacola Gifuli terdichile. Sencana alam yang teleh mengak/batkan ekala kerosakan besat, mutatukan basplir.

Nomen, keredarun manyarakat Malaysta execute managemental pathol particular agent raisely if any hogi bencana hashir, masih sangat rendah. The Hallway Inc. apabils hergir bean bertaks.

harms solitheness keed were mercanital politel for boleh membuat tumtakan kepada syurtikat pengendid takafut. Seletithaya mengherayikan bantuan keespass daw budset leakan keestaan (NGO).

Int summet berberg designs musicariskot negara regly pung memeralizakan kemundutun keluarga ston year that, this bertakn bem one tidak ittle-

Justers, tiada lapertuan mendeusi hagi peng-gunaan dron sieb sportkat pengendal) takahal ili negara tel kerana mereka (tibili mengunysi Austotypeis kflossos atau keisar bagi politui terfaditt.

Namus, to totals bermuloud potenti dros kepatu industri berkeswan tidak penting, Jikaationston, Materiala Jugo memertesa templan toura ser pada 2004 mengakibatkan kebilangan nyawa dan terrosakus harts beads.

Ribut Greg melanda flakeh sekitor 1996 juga metorggafican kenan kama, Doscuma akthat ennequile utten ease enndr diseaser tags per mah-Bertigkin dit engazen bist oepertil emelufoan bongsoon. di Taman liwia pada 2009, di Figurerworth Pulasi Piriting selicitor 1988 date Petaling Juga poda 2016. Names politics dillinged traums Highland Towers

figurikat pengendati takaful semenangnya foliak tiertrabet sociany languarig dalam privisio mencury does mercyclament against a securing beautions the

Names, spartial progential tokuld asters pihak penting datam nuitakan penganusan terroagia kermina eservika adalah entiti yong perfu becuraging towah 5 ka pensegang public mereka turbulati ikakan semuata fisini ama.


Jiku ada kematian, maka proses presperaman perka dibaksansakan pahak berwajib sebelum. makhamar bolch diedurkan kepada varts başi primate progetypedate dan seteratory telefolian to-warsgan kepada arantica: persombati tukofut.

Jika proses Ist brest, tustation Juga skiab tergendaka ibas Jiku proses pengeciatust mangus mengaontifi mana yang tamis, maka kelicarga perhapang pertai haga akan mengatam) kerapkatan Bort aspek kowangan, brisis brisis topi (No mongno auto-outomes pentrari nafksh omtak keloarga.

Dark seed to serik at pulla, kempayaan bersperast sman brejejan dan mengukiturkan epatikat kebilatepart perlategant flow priver in tempolston Afterform

Clieb It ja. mungkin issuba kolektif pasta pertrag-Aut industri tukolul Aregos kerjusawa agresi hiergann berkuttin seperti Agenti Penguruan Biomorea Segara (NADMA) metabal sumbangan dame dan kepakirah secura berkala bagi mentep-Borthom keropograses asiet agencel terhabits sorrale paredigraed yoursand beneator yang seports kata jirpatah malang tidak berbau.

Tax page orders margarist synertally page mergadiauna kementudak tedustri takaful di rengura tak. selata menyubut seranan Itank Negara Malaysia Storing received will know burth than a provided insourance sortis takinfisi, sainiak merupati pengan tersast bersonskum tidjet (VSE) begrada marrierakst di-



Mahir e-dagang, urus risiko penting ketika pandemik



Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Oleh Mohd Faizal Kamarudin bhrencana@bh.com.my

Keputusan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di beberapa negeri adalah sesuatu yang sukar. Namun, keputusan berasaskan data ini perlu dilakukan untuk kemaslahatan bersama.

Walaupun keputusan membenarkan aktiviti ekonomi terus beroperasi adalah berisiko tinggi, ia adalah pilihan terbaik yang kita ada. Namun, terdapat juga beberapa bazar Aidilfitri berskala besar terpaksa ditangguhkan atas sebab-sebab tertentu.

Hal ini membuatkan ramai usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang terkesan. Antaranya, usahawan kek

lapis yang mengambil langkah proaktif dengan melakukan kempen pemasaran melalui aplikasi WhatApps dan platform media sosial yang lain.

Kita sememangnya cakna dan kagum dengan kegigihan usahawan PKS menjalankan perniagaan, terutama dalam keadaan pandemik CO-VID-19 ini. Namun, adalah disarankan untuk usahawan PKS mencontohi perancangan strategik Kumpulan Maybank.

Hakikatnya, badan berautoriti seperti Forum Ekonomi Dunia (WEF) juga tidak menyenaraikan pandemik selaku risiko perniagaan untuk 2020. Apabila banyak negara perlu melaksanakan perintah lockdown atau sekatan, kebanyakan kita kebingungan.

Sedar akan hal ini, Kumpulan Maybank mengenal pasti kemungkinan untuk PKP ini dilaksanakan pada bila-bila masa. Justeru, sudah ada perancangan untuk menghadapi PKP kali ini.

Dijangkakan, mereka akan mampu terus beroperasi pada tahap optimum dan memberikan perkhidmatan terbaik kepada orang ramai.

Sudah menjadi kelaziman untuk usahawan meletakkan sasaran jualan yang tinggi pada Ramadan. Namun, dalam norma baharu ini perlu dititikberatkan juga kapasiti kemampuan setiap perniagaan.

Seharusnya ada amalan pengurusan risiko dalam setiap keputusan perniagaan.

Perlu ada rancangan kontingensi jika terjadi keadaan luar jangka. Hal ini disokong dapatan kajian dilakukan oleh Gao, Sung dan Zhang (2012) yang menunjukkan penerapan elemen pengurusan risiko dalam perniagaan dalam kalangan usahawan PKS di China mampu menjadikan mereka lebih berdaya tahan.

Dalam kerencaman pandemik COVID-19 ini, usahawan PKS juga dilihat mengguna pakai platform e-dagang untuk tujuan pemasaran secara aktif.

Kebanyakan usahawan ini mengambil inisiatif sendiri dengan merujuk sumber dalam talian untuk memahirkan diri mereka dengan teknik pemasaran itu.

Namun, peningkatan penguasaan ini juga banyak disokong oleh keberkesanan program yang dianjurkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Justeru, kemahiran tinggi dalam pemasaran e-dagang perlu diadunkan dengan pengurusan risiko sewajarnya. Semoga hal ini akan dapat meningkatkan keampuhan usahawan PKS di Malaysia

Pada masa yang sama, kelihatan juga mereka yang berstatus selebriti seperti Sharulezad Mohameddin turut sama membantu dengan mempromosi produk usahawan PKS yang terkesan ini.

Tindakan ini adalah sesuatu yang amat menyegarkan. Antara perkara yang sepatutnya terjelma pasca COVID-19 adalah kefahaman kita tentang kemanusiaan, empati, dan kelestarian.

Tidak semua benda perlu diukur dengan wang ringgit.

Bersatu noktahkan manipulasi kartel daging



Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Pemiagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar dan Mohd Faizal Kamarudin bhrencana@bh.com.my

Beberapa hari sahaja lagi umat Islam seluruh dunia akan menyambut Aidilfitri. Walaupun masih dalam fasa memerangi pandemik, kita tidak lari memikirkan juadah yang hendak disediakan di pagi raya. Juadah lazim selain ketupat dan kuih raya, termasuklah juga makanan berasaskan daging lembu seperti rendang.

Menyentuh berkenaan daging, pasti ramai bercakap sama ada hendak menggunakan daging lembu tempatan atau import. Masing-masing mempunyai hujah tersendiri. Ini termasuk dari segi jenis, harga, rasa dan kesegaran daging lembu itu.

Namun, apabila bercakap mengenai daging import, isu sentiasa berlegar di fikiran status halal daging lembu diimport. Daging lembu import popular di pasaran Malaysia kebanyakannya datang dari negara seperti Australia dan India.

gara digemparkan isu kartel daging pada hujung 2020. Isu kartel daging yang terpalit mendedahkan sindiket terancang membabitkan pelbagai pihak dalam dan luar negara.

Daging yang tidak sahih status halalnya dibawa masuk ke negara kita. Melalui sindiket, daging yang diragui ini dijual sebagai daging halal. Daging ini dikatakan dibawa masuk antaranya dari Kanada, Colombia, Sepanyol, China dan Mexico. Nilai seludup ini mencecah RM1.5 juta sebulan.

Ini menimbulkan keraguan khususnya kepada umat Islam dan mereka yang menggemari daging halal. Pembeli dan penggemar daging import sudah mula hilang keyakinan. Malah, banyak perniagaan berasaskan makanan terkesan akibat pendedahan ini.

Merujuk penulisan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Integriti Malaysia (IIM) disiarkan Muka Sepuluh BH pada 5 Mei lalu, masalah ketirisan sehingga membabitkan kes rasuah, boleh dibendung dengan menggunakan pendekatan lebih sistematik dan holistik.

Skandal kartel daging ini boleh diatasi dengan ker-



Daging yang tidak sahih status halal menimbulkan keraguan khususnya kepada umat Islam. (Foto hiasan)

jasama serta pembabitan aktif semua pemegang taruh dalam industri halal dan daging import.

Untuk makluman, industri halal dan daging import membabitkan banyak pemegang taruh, termasuk pihak berwajib seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), pengimport, pengeksport, operator pelabuhan, badan pensijilan luar negara, persatuan pengguna serta persatuan pengusaha.

Kita sebagai pengguna juga pemegang taruh yang mempunyai hak dalam perkara ini. Seperti mana digariskan Edward Freeman (1984) dalam teori pemegang taruh, prinsip kejayaan atau kegagalan sesuatu entiti bergantung kepada semua pihak terbabit.

Justeru, semua pemegang taruh dalam industri daging import halal mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing. Amat penting jika tanggungjawab diberikan digalas sepenuhnya dengan penuh keiltizaman.

Kegagalan atau kealpaan memegang amanah, disamping dibutai habuan lumayan, menyebabkan ada cuba menangguk di air keruh. Masakan tidak, industri daging halal amat lumayan bukan sahaja di Malaysia, bahkan seluruh dunia.

Realitinya, semua pemegang taruh dalam industri daging import halal di negara ini perlu menjalankan tanggungjawab dengan penuh keiltizaman. Jangan sesekali memilih lorong gelap demi keuntungan masa pendek.

Sesuai semangat Ramadan, kita harus menempa lembaran baharu dengan menzahirkan komitmen penuh untuk menoktahkan isu kartel daging ini

Ambil mudah SOP raya undang 'bencana'



Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Kampus Puncak Alam

Oleh Dr Mohd Hafiz Zulfakar bhrencana@bh.com.my

Syawal tahun ini, kali kedua kita sambut dalam norma baharu. Dalam merayakan kemenangan sebulan berpuasa, kita masih berperang melawan pandemik berbahaya dan masih belum menang.

Peningkatan mendadak jumlah kes positif dan kematian akibat pandemik dikesan sejak awal bulan lalu. Beberapa negeri dan daerah diletakkan di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun, apabila terdapat tanda membimbangkan, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, pada 10 Mei, mengisytiharkan PKP dikuat kuasa di seluruh negara bermula 12 Mei hingga 7 Jun.

Justeru, prosedur operasi standard (SOP) raya diumumkan pada 4 Mei diseragamkan. Tiada rentas negeri dan daerah, mengehadkan jumlah jemaah di surau serta masjid, selain arahan bekerja dari rumah.

Rata-rata tahap kepatuhan SOP dijangka tinggi kerana masing-masing sudah terbiasa dengan norma ini, khususnya di negeri mencatatkan kes tinggi. Namun, apa dikhuatiri pematuhan terhadap larangan ziarah-menziarahi pada hari lebaran disambut Khamis dan Jumaat lalu, diikuti cuti hujung minggu. Ziarah-menziarahi ialah amalan tradisi rakyat Malaysia, tidak mengira kaum, agama dan perayaan.

Kita pernah menyambut Syawal dalam PKP tahun lalu. Ketika itu, kita berjaya melandaikan sedikit tahap penularan COVID-19. Kerajaan membenarkan sambutan hari raya secara terkawal.

Tiada rumah terbuka dan jamuan besar-besaran boleh diadakan. Ziarah-menziarahi dibenarkan dalam kalangan jiran terdekat dan keluarga dalam negeri sama dengan had maksimum 20 orang pada satu-satu masa.

Kali ini tidak. Dalam SOP PKP terkini, ziarah-menziarahi dan ziarah kubur tidak dibenarkan sama sekali. Ada tersentap dan mempersoalkan tindakan ini. Tanpa berfikir rasional, mereka secara terbuka bersuara di media sosial.

Tidak dinafikan, ramai terkesan, sedih dan hiba ketika SOP raya PKP diumumkan. Mana tidaknya, segala perancangan sambutan raya ketika cuti panjang ini punah. Harapan menziarah dengan memperagakan pakaian baharu serta menu hendak dihidangkan kepada tetamu, hanya tinggal kenangan. Sudahlah tidak dapat pulang ke kampung, menziarah rumah ke rumah juga dilarang. Langkah larangan ini amat wajar jika dilihat kepada jumlah kes melebihi 4,000 beberapa hari kebelakangan ini.

Larangan ziarah ini amat jelas. Namun, tinjauan rambang pada hari pertama Syawal di platform media sosial menunjukkan sebaliknya. Masih ada bersikap acuh tidak acuh. Mereka tetap menziarah untuk merayakan perayaan ini.

Adakah mereka tidak sedar risiko apabila berkunjung khususnya rumah mempunyai golongan rentan seperti warga emas, kanak-kanak serta mereka memiliki masalah kesihatan?

Tindakan ini amat mementingkan diri. Ketua Pengarah Kesihatan berkali-kali mengingatkan pertambahan kes dalam negara banyak membabitkan kes sporadik dalam kalangan komuniti. Sejumlah 60 peratus kes di negara kita sejak Januari lalu ialah kes sporadik dan tidak bergejala.

Ziarah-menziarahi berpotensi tinggi untuk merebakkan jangkitan COVID-19 dengan mudah. Ketika ghairah berjumpa sanak-saudara dan sahabat-handai, ada kemungkinan amalan kawalan kendiri seperti memakai pelitup muka dan cecair pembasmi kuman serta penjarakan fizikal ditolak ke tepi.

FINANCIAL SUSTAINABILITY

SMEs can tap supply chain finance to grow

IN the face of new challenges triggered by the pandemic, businesses must continue to ensure their financial sustainability, particularly small- and medium-sized enterprises (SMEs), grappling with limited capital.

This causes severe restrictions to develop or simply break into the market.

The Global Working Capital Study (2018/19) showed that there was up to RM6 trillion in potential monetary value to be accessed by eliminating weak management of working capital in companies.

Analysis indicates that through a stronger balance sheet and better liquidity management, Malaysian firms can account for RM110 billion of financial opportunity.

As such, supply chain finance (SCF) is key to tap this potential.

A standard financial supply chain involves SMEs, larger firms, thirdparty logistic services and financial institutions.

SCF allows for optimal financial

and operational efficiency, and provides the option of delayed terms of payment from buyers to suppliers, while large firms and SME suppliers can still receive earlier payment. This benefits buyers and suppliers.

Buyers can retain working capital, while suppliers gain cash to ensure a consistent flow of finances.

This diminishes risk in the supply chain, while optimising a company's financial sustainability.

SCF is established when a buyer and finance provider reach a particular agreement, after which suppliers are asked to take part.

Certain agreements are backed by one bank or financial provider, while others involve multiple financial institutions.

When banks inject a supply chain with certain amounts of cash or credit, this provides avenues for liquidity for firms that are upstream and downstream in the supply chain.

The execution of SCF is reinforced through financial technology providers to expedite buyer-seller interactions.

Cloud software is employed to facilitate procurements and payable accounts.

This allows suppliers to choose to obtain early payments and, consequently, buyers are able to negotiate extensions to their payment terms.

Buyers typically involve 30 to 50 primary suppliers in their supply chain financing. However, technology allows for thousands of suppliers to access this financing from one company.

The easily-accessible technological platforms allow quick and efficient processes. As soon as the supply chain financing agreement is active, a supplier can request that any particular invoice be subject to early payment.

Let us take the example of Alibaba, China's biggest e-commerce entity, along with its subsidiary platforms, Taobao and Alipay.

Alibaba uses its own funds to provide loans to merchants in its supply chain.

These loans are flexible due to their low threshold and consequently low credit limit.

Sellers on Taobao can apply for loans through the Alipay system, provided that they have a good credit history.

Systems like this encourage the growth of peer-to-peer financing, one among many creative future solutions in the supply chain financing.

ASSOCIATE PROFESSOR DR VEERA PANDIYAN KALIANI SUNDRAM

Faculty of Business and Management, UiTM

President, Malaysia Logistic and Supply Chain Management

PROFESSOR DR JAAFAR PYEMAN

Director, Institute of Business Excellence, UiTM

UMAHDEVI JAYAMANI

Financial consultant, SK Group of Companies

Activa

Kesedaran keselamatan maklumat masih rendah



Pensyarah Kanan, Jabatan Teknologi dan Pengurusan Pengajian Rantaian Bekalan, Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Selangor Oleh Dr Norshima Humaidi bhrencana@bh.com.my

Perkembangan digitalisasi, automasi dan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) terutama ketika era COVID-19 menunjukkan peningkatan ketara industri membenarkan pekerja bekerja dari rumah.

Penggunaan peranti digital amat meluas dengan kebanyakan pekerja melaksanakan urusan pejabat dalam talian seperti perbincangan, perkongsian dokumen dan maklumat melalui pengkomputeran awan.

Pemiagaan, rsiti Teknologi MARA (UiTM)
Selangor
Selangor

Konsep internet benda (IoT) menghubungkan pelbagai peranti dengan sambungan internet dan kemampuan analitik data kuat mengubah cara kita bekerja, hidup serta bermain. Bagaimanapun, IoT menimbulkan cabaran besar se-

perti peningkatan ancaman keselamatan siber membabitkan penipuan dalam alam maya dan pelanggaran data.

Di negara ini, sektor perbankan mengeluarkan peringatan penipuan mengenai laman web bank dalam talian palsu dicipta penjenayah siber untuk mencuri maklumat perbankan pelanggan.

Penjenayah siber cuba memikat pelanggan untuk memasuki ke laman palsu melalui mesej dihantar melalui WhatsApp, perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) atau e-mel. Pada tahun lalu, 4,194 kes serangan siber direkodkan seperti didedahkan Ketua Eksekutif Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), Md Shah Nuri Md Zain.

Ini termasuk jangkitan *ransomware*, iaitu virus berbahaya menyerang komputer dan pencerobohan data, masing-masing menyumbang 2,066 dan 1,352 kes.

Serangan ransomware mengunci pengguna daripada peranti mereka dan menyulitkan fail disimpan atau dikongsi pengguna di alam maya. Ini memaksa pengguna membayar sejumlah tebusan untuk mendapatkan kembali fail itu.

Ransomware paling terkenal ialah Wannacry memberi kesan buruk kepada lebih 100,000 organisasi di sekurang-kurangnya di 150 negara. Berdasarkan analisis CyberSecurity Malaysia (CSM) pada 2018, insiden ransomware menunjukkan penyerang siber cenderung menyasarkan organisasi dengan menggunakan ransomware bagi mendapatkan keuntungan dalam bentuk kewangan.

Ini mengakibatkan perbelanjaan kewangan besar seperti kos pemulihan data dan operasi serta perbelanjaan lain berkaitan.

Namun, harus diingatkan penyelidikan mendapati 95 peratus insiden keselamatan siber berkaitan kesalahan pengguna siber itu sendiri.

Walaupun banyak organisasi menerapkan teknologi keselamatan terkini seperti penggunaan biometrik, *firewall*, kad pintar dan enkripsi, tingkah laku pengguna terhadap keselamatan maklumat masih amat membimbangkan.

Ini boleh menimbulkan masalah keselamatan

maklumat yang akan memberikan kesan tidak baik kepada organisasi. Kajian lepas mendapati kemajuan teknologi tidak cukup untuk memastikan keselamatan maklumat berkesan sekiranya tingkah laku keselamatan maklumat pengguna siber masih rendah.

Tingkah laku pekerja seperti tidak mencipta kata laluan kuat, berkongsi kata laluan, membiarkan peranti disambungkan ke internet tanpa sebarang perlindungan dalam talian dan log masuk ke sistem syarikat melalui rangkaian tidak selamat.

Selain itu, pekerja juga cuai ketika mengendalikan data dan maklumat organisasi banyak menyumbang kepada risiko ancaman keselamatan maklumat dalam organisasi.

Oleh itu, pihak eksekutif organisasi dan pengurus keselamatan maklumat perlu memberi kesedaran keselamatan maklumat kepada semua pekerja terutama ketika urusan kerja perlu dilakukan secara digital daripada rumah.

Pengurusan organisasi perlu menyatakan visi dan strategi jelas untuk keselamatan maklumat dalam memerangi sebarang ancaman keselamatan siber.

Banyak organisasi menggunakan pelantar digital dalam pelbagai urusan perniagaan. Ini akan menimbulkan risiko insiden keselamatan tinggi.

Oleh itu, pengurusan perlu menunjukkan sokongan terhadap tingkah laku keselamatan maklumat dengan mengatur dan mengembangkan latihan keselamatan maklumat, program kesedaran serta pelaksanaan polisi keselamatan maklumat (ISP) intensif.

Komunikasi punca Covid-19 merebak?

ROSMI YUHASNI MOHAMED' YUSUF

ELOMBANG better seabalt Cavid-on telah bermula di Malaysia dengan peningkatan kes harian yang agak drastik.

Kegagalan komunikasi ristko boleh dilihat sebagai. soloh satu sebah yang menyumbang kepada peningkatan kes harian Cavid-19.

Di era pandernik Covid-19 ini, pelbagai maklumat penting perlu disalurkan oleh pihak berwajib kepada rakyat. Pelbagai bentuk maklumat berkenaan virus itu perlu disampulkan dengan secaratenstur, teliti, konststen dan Trigotti.

Oleh yang demilian, komunikasi maklumat berkaitan perkasa berisikoptau komunikasi risiko adalah perkasa asas yang perludifahami oleh pihak berwajib dalam menguruskan risiko penyebaran virus-Cavid-to.

Komunikasi risiko dapat memastikan rakyat keselarahannya memaharni konteks yang sebesarnya dan secora tidak langsung dapat membantu mereka dalam membaat keputasan yang

Konsunikasi risiko merangkumi dua dimensi laitu konsinikasi dalaman dan komunikasi luaran. Korpunikasi dalaman menujuk kepada sesundu situasi di. many penganahah risiku-dan pihak wang dipertanggangpryahkan dalam. menguruskan risiko, bernsaha untuk memahami bidang togasan dan tanggungawah masing-masing.

Manakala komunikasi hasran merujuk kepada penyampaian makkumat berkaitan. risiku secara dua hala di

antasa dua pihak bagi tojuan meningkatkan pemahaman para pemegang taruh dan soknot berkatten dengen irmask pegatif berkenaan risiko dan langkah mitigasi dan peranan yang boleh distribute.

Dallam konteks Malaysta. komunikasi dalaman boleh. ditafatrkan sebagai komunikasi song beelaku antara pihak Kementerian Kesibatan, Kensisan Pusat dan Mafris Keselamatan Negara (MKN). Manakala kornunikasi luaran. adalah proses komunikasi horian yang berlaku antara pilisk Kerstaan Pusat, kerstaan negeri dan osang ramai secara. BURNEYS.

CHINA

Di China contohuva. preses komunikasi berkaitan risiko jangkitan virus Covid-19 : ini telah bermula seseval 27 Disember 2019 apabila kes pertama jangkitan dikesan di Wuhan. Bagaimanapun, proses komunikasi ketika itu dianggap oleh para pengkritik di sarsa sebagai tidak begitu

berkeson.

Di dalam konteks Malaysia, faktor kepercayaan dan persepsi orang ramai terhadap risiko merupakan dua cabaran utama yang perlu ditangani oleh

pihak kerajaan."

awalnya kerana pendekatan vane diambil oleh kerajaga adulah tidak bersifat telus dan tidak menyekarah.

Walaupun begitu, kajian yang dilakukan selepas itu oleh pasa ahli akademik di China merumuskan bahawa pendekatan yang diambil oleh pilbak kerajaan China dalam menyampalkan maklumat berkaitan risiko Covid-19 dilihat lebih berkesan eetelah melepasi tempoh awal jangkitan itu di Wuhan.

Oleh Itu, pendekatan vana diambil olch ketajaan China dalam menyalurkan makhunat kerpeda orang ramat. herkaltan risako jarapkitan dilibat semakin berkesan.

sakaran, - UTUSANU

BANGE ATLI SAMAD

dan ketawaan mereka dalam. mengawal penyebaran yirus Covid-try ini adalah hasif darizada implementasi. beberapa aspek penting dalam. komunikasi risiko seperti berikut, Pertama, segala bution penting berkaitan dengan risiko izrazkitan Covid-to ini diterapkan benama dalam hal circuit penggubalan polisi semasa hereaten.

Kodua, raingingpip risiko korrumikasi berkaitan Covid-19 ini sebagai satu proses yang dinamik. Ketiga, memastikan semua komunikasi risiko berkaitan Covid-to adalah bersesuaian denigan budawa masyasakat setsimpot. Reemput. komunikasi risito mengambil kins kapusiti orang ramai yang: berbeza dari segi pemahaman berkenaan fakta yang bersifat. saintifik dan teknikal. Kelima. mengadakan dialog bersama OTRACE DESIGNATION.

Keenaca, memastikan

hanna makkumat yang tepat dan sahih sahaja mengenai risikawinus Covid-19 int. differential featification. kepada orang ramai dencan. penses Septem maklamat Regist. PERLUdipastikas penyebaran maklumat bertaltanetike langkitan Covid-19 Expendiri depet ditorima oleh orang. umai metalui pelbasai

CLEANER MANUFACTURING

Towards a comprehensive, holistic model of circular economy

ALAYSIA continues to be one of the fastest growing and developing countries though impacted by the Covid-19 pandemic.

Alongside India, Thailand, Indonesia and Vietnam, it is expected that Malaysia will be in the top 15 manufacturing countries by next year.

Nevertheless, the rapid development of manufacturing industries is always associated with environmental pollution and sustainability issues.

Hence, recent needs for sustainability are not solely based on financial performance, but also on environmental and social performance.

In simpler words, firms' focus on economic performance needs also to be accompanied by care about environmental and social performance.

Due to this, an alternative economic paradigm is being shaped and developed to capture the new forms of supply chains. This is the case for the circular economy (CE) paradigm, which is embracing the notion of restorative industrial systems.



DR AHMAD RAIS MOHAMAD MOKHTAR

The CE paradigm focuses on less (or if possible, zero) waste production at every life cycle of a product, where products are used in circularity (recycled, refurbished or remanufactured) after reacing the expected endof-life.

CE has been identified as a topic of strategic importance due to its potential positive outcomes towards environmental and economic impacts.

Due to rapid industrialisation and technological advancement, products are also being manufactured and used in a prompt pace, resulting in a higher level of waste production.

To curb the issue, a cleaner production method (particularly remanufacturing), has become important and extremely vital.

This allows manufacturing firms to extract abandoned end-of-life products' residual value, and then minimise the production cost per unit of the product.

For example, Volkswagen remanufactures and reassembles its end-of-life cars' main components, such as engine and gear box, to extract their residual value. However, the original equipment manufacturers (OEMs) will still procure raw materials from their upstream suppliers for new models' production.

While the CE concept is ideal and practical in developed countries, small- and mediumsized enterprises (SMEs) are often bounded by limited funds to realise the closed-loop operations.

Nonetheless, as closed-loop initiatives are relatively new, leading firms (particularly the fo-cal firms) should be able to engage with upstream and downstream stakeholders and address the needs of closed-loop, or reverse orientation, in the entire supply chain.

Furthermore, a leading firm

that adopts CE and closed-loop orientation should attempt to establish shared goals with supply chain members (regardless of their positions in the supply networks, such as Tier-1, Tier-2 or Tier-3 suppliers), so that mutual benefit can be attained across the supply chain.

A leading firm should create a vision to improve sustainability and inspire supply chain members to work together to achieve the new supply chain orientation.

The urgency to have a comprehensive and holistic model of CE in Malaysia can be explained in threefold. First, the implementation of CE is significantly related to the United Nations' Sustainability Development Goals (SDGs). Specifically, SDG No. 12 strives to ensure sustainable consumption and production patterns.

Second, despite the nation's agenda in promoting green economy (Shared Prosperity Vision's Key Economic Growth Activity 12), the current CE roadmap introduced by the Science, Technology and Innovation Ministry (MOSTI) is still at its in-

fancy, where it focuses only on plastic waste.

Third, the Eleventh Malaysia Plan (2016-2020) is also focusing on sustainable consumption and production (SDG No. 12). However, the initiative relies on government green procurement, green education, recycling, tourism, transport and built environment.

These initiatives can be extended in the next Malaysia Plan by looking into cleaner and sustainable production offered by CE. This approach allows the government to implement and realise the 10-10 MySTIE's Business and Financial Services, particularly related to the Smart Integrated Supply Chain initiative.

In line with this, ministries and government agencies should be able to articulate and regulate (if possible, with incentives such as tax reduction) this concept clearly to industry players so that it can be accepted as a common standard in the industries.

The writer is Head of Industry
Network Centre and Senior
Lecturer, Faculty of Business and
Management, UiTM



From: FBM Corporate communication team